

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**  
**KAWASAN** : **DUNGUN**  
**TARIKH** : **19.5.2016 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **54**

**YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jaminan suntikan RM1.5 bilion kepada PROTON dapat menyelamat dan menyemarakkan persaingan Proton dalam industri automobil dalam dan luar negara.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Objektif utama pemberian pinjaman mudah berjumlah RM1.5 bilion oleh Kerajaan kepada PROTON adalah untuk membolehkan PROTON membuat pembayaran kepada vendor-vendor yang telah membekalkan komponen kepadanya. Ini akan memberikan peluang kepada PROTON untuk mengurangkan paras hutang syarikat dan memberi tumpuan ke atas usaha-usaha pemulihan dan perkembangan syarikat. Pinjaman mudah tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan berdasarkan rasional dan mengambil kira beberapa aspek penting. Antaranya, aspek pekerjaan, ekosistem perniagaan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Aspek-aspek ini memainkan peranan penting dalam proses pemulihan dan pengukuhan kedudukan PROTON dalam industri automotif dalam dan luar negara.

Dalam usaha untuk menjamin PROTON dapat terus berdaya saing, PROTON perlu membangunkan pelan perniagaan baharu yang dapat menyelesaikan isu-isu penstrukturran semula perniagaan syarikat dan mendapatkan rakan kongsi asing terkemuka untuk memastikan ia terus kekal relevan sebagai satu projek nasional yang dapat memacu pembangunan perindustrian negara ke arah mencapai status negara maju